



**TAJUK KHUTBAH JUMAAT**

**Siri: 24/2023**

**ADAB PENGIMARAHAN MASJID**

**16 Jun 2023**

*Bersamaan*

**27 Zulkaedah 1444**

**DIKELUARKAN OLEH:**

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA  
TERENGGANU**

**PERINGATAN:**

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

## KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا،  
وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ،  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُ وَوَالَاهُ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَاحْفَظُوا شَعَائِرَ اللَّهِ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah, marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan menjaga syiar Islam di muka bumi ini. Pada hari yang mulia ini, khutbah Jumaat akan membincangkan tajuk:

### **Adab Pengimaran Masjid**

**Sidang Jumaat yang dimuliakan,**

Masjid merupakan satu tempat yang perlu diimarahkan dan dihormati sesuai dengan kemuliaannya sebagai rumah Allah. Sabda Rasulullah SAW:

أَحَبُّ الْبِلَادِ إِلَى اللَّهِ مَسَاجِدُهَا، وَأَبْغَضُ الْبِلَادِ إِلَى اللَّهِ أَسْوَاقُهَا

**Maksudnya:** Tempat yang paling dikasihi Allah ialah masjid-masjid, dan tempat yang paling dimurkai Allah ialah pasar-pasar.

(Hadis riwayat Muslim)

Sejarah menyaksikan bahawa masjid pertama yang dibina di muka bumi ini ialah Masjidil Haram, dan masjid kedua ialah Baitulmaqdis, dan tempoh antara keduanya ialah 40 tahun, seperti yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Muslim.

Istilah masjid merujuk kepada setiap tempat yang didirikan solat berjamaah dan diniatkan sebagai masjid, walaupun dengan nama surau atau sebagainya. Sebagai orang yang beriman, pengimarahannya merupakan tanda keimanan seseorang. Firman Allah SWT dalam surah al-Taubah ayat 18:

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسْجِدَ اللَّهِ مَن ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى  
الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَن يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ﴿١٨﴾

**Maksudnya:** Hanya sanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk.

## **Sidang Muslimin yang dirahmati Allah,**

Pengimarahannya masjid tidak dapat berlaku dengan sempurna tanpa penglibatan kedua-dua pihak: pengurusan masjid dan ahli jemaah. Setiap daripada mereka mempunyai peranan yang penting dan adab-adab yang perlu diikuti bagi memelihara kesucian rumah Allah ini. Dalam khutbah Jumaat pada kali ini, khatib akan menyentuh beberapa adab yang boleh diambil perhatian oleh kita semua:

### **Pertama:** Menjaga keutamaan saf solat.

Ahli jemaah lelaki yang dewasa amat digalakkan untuk berada di saf awal, iaitu saf yang paling hadapan di belakang imam. Rasulullah SAW telah membayangkan keutamaan saf awal ini melalui sabda Baginda yang bermaksud:

“Kalaulah manusia mengetahui pahala yang ada pada azan dan saf awal, kemudian mereka tidak memperolehnya melainkan dengan mengadakan undian, nescaya mereka sanggup mengadakan undian tersebut.”

(Hadits riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Kitab Dalil al-Falihin telah menghuraikan sebab keutamaan saf awal ini iaitu kedudukan makmum yang hampir dengan imam, pendengaran mereka terhadap bacaan beliau, penyaksian mereka akan hal ehwalnya serta mereka mendapat selawat Allah dan para malaikat. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah dan para malaikatNya berselawat ke atas mereka yang berada di saf-saf awal.”

(Hadits riwayat Abu Dawud)

Untuk itu, jangan lepaskan peluang. Marilah sama-sama kita mengejar kelebihan berada di saf awal yang amat besar ini. Penuhilah saf di hadapan terlebih dahulu sebelum saf-saf yang seterusnya. Ketahulah mereka yang menyambung atau memenuhkan saf sembahyang yang terputus atau terpisah juga, akan turut menerima selawat Allah dan malaikatNya serta diangkat kedudukannya satu darjat. Kelebihan ini adalah sebagaimana yang telah dimaklumkan oleh Baginda SAW dalam hadits riwayat Ahmad.

Dalam masa yang sama, susunan saf juga patut diambil berat oleh ahli jemaah. Saf yang awal hendaklah dipenuhi oleh lelaki dewasa, kemudian saf kanak-kanak lelaki dan barulah saf wanita. Namun jika saf hadapan masih kosong lalu diisi oleh kanak-kanak, haram bagi orang lain membatalkan solat kanak-kanak tersebut dan menariknya ke belakang.

**Kedua:** Menjaga anak-anak kecil yang dibawa ke masjid.

Mendidik anak-anak ke masjid semenjak usia mumayyiz adalah satu langkah yang baik. Namun sepatutnya anak-anak hendaklah diajar terlebih dahulu adab-adab masjid sebelum dibawa bersama ke masjid. Ibu bapa pula tidak patut membiarkan anak-anak bermain dan membuat bising ketika solat atau majlis ilmu sedang berlangsung.

**Ketiga:** Menjaga adab dalam majlis ilmu serta beriktikaf.

Masjid merupakan tempat yang paling sesuai diimarahkan dengan majlis ilmu dan kelas-kelas pengajian. Di samping berada dalam majlis ilmu yang disifatkan sebagai taman syurga, kita turut berpeluang beriktikaf sepanjang berada di dalam masjid. Sabda Rasulullah SAW:

الملائكة تُصلي على أحدكم ما دام في مُصَلَّاهُ، ما لم يُحدِثْ: اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ،  
اللَّهُمَّ ارْحَمْهُ، لا يزال أحدكم في صلاة ما دامت الصلاة تحبسه.

**Maksudnya:** Para malaikat mendoakan kamu selama kamu berada di tempat solat, selagi tidak berhadas seraya berkata: Ya Allah, ampunilah dia, Ya Allah, rahmatilah dia. Kamu sentiasa dikira berada di dalam solat dan mendapat pahalanya selama kamu menahan diri kamu di tempat solat untuk menunaikan solat seterusnya.

(Hadis riwayat al-Bukhari)

Antara maksud “berhadas” ialah batal wuduk. Ada juga ulama yang mentafsirkan dengan makna menyakiti dan mengganggu orang lain. Justeru perbuatan sebahagian ahli jemaah yang berbual dan bersembang ketika majlis ilmu adalah tidak beradab. Di samping mengganggu majlis ilmu, ia juga dapat menyinggung perasaan guru serta menghilangkan keberkatan ilmu.

إِخْوَانِي الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ

**Keempat:** Menjaga kebersihan kawasan masjid

Kebersihan dan keceriaan masjid adalah perkara yang perlu diutamakan. Tempat yang paling patut dijaga kebersihannya ialah rumah Allah SWT. Perkara ini sebenarnya bukan sekadar menjadi tanggungjawab AJK, siak dan staf kebersihan, bahkan setiap ahli jemaah perlu sama-sama mengekalkan kebersihan kawasan masjid dan tandas. Tindakan sebahagian

jemaah membuang sampah walaupun kecil di dalam ruang solat adalah tidak patut. Perbuatan ini adalah tidak beradab kerana mengotorkan kawasan solat. Begitu juga sisa sampah yang dibuang di kawasan masjid, pastikan diletakkan dengan baik dalam tong sampah yang disediakan.

**Kelima:** Berhemah menggunakan alatan dan kemudahan masjid

Masjid merupakan tempat umum yang menjadi tumpuan umat Islam untuk menunaikan ibadat dan mendapatkan ilmu pengetahuan. Di samping itu, masjid juga menyediakan kemudahan seperti tandas dan tempat mandi. Sebahagian masjid yang aktif turut mengadakan tempat penginapan yang dapat disewa dengan harga berpatutan. Sebagai pengguna, janganlah kita membazir atau menyalahgunakan kemudahan ini untuk tujuan lain. Tindakan menggunakan peralatan masjid untuk kegunaan yang menyalahi uruf setempat adalah haram dan dilarang seperti mengambil air masjid untuk tujuan gerai peniagaan, menggunakan sejadah masjid untuk di bawa ke rumah dan lain-lain lagi. Ini kerana harta tersebut diwakafkan hanya untuk tujuan masjid, maka tidak boleh digunakan bagi tujuan yang menyalahi niat asal wakaf.

**Sidang muslimin yang dimuliakan,**

**Keenam:** Mengimarahkan masjid dengan solat berjemaah dan menghadiri majlis ilmu.

Tujuan utama masjid ialah sebagai pusat berhimpunnya umat Islam sesuatu tempat untuk solat berjemaah sebagai tuntutan fardu kifayah. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

Tidak ada berkumpul tiga orang sama ada di kampung atau di pedalaman yang tidak didirikan solat berjemaah, kecuali akan dikuasai oleh syaitan. Hendaklah kamu didirikan solat berjemaah, kerana sesungguhnya serigala itu memakan kambing yang bersendirian.

(Hadis riwayat Abu Dawud dan al-Nasa'ie)

Kita juga patut meramaikan majlis-majlis ilmu yang diadakan di masjid. Pihak pengurusan masjid patut menyusun jadual pengajian yang meliputi semua tuntutan ilmu fardu ain bagi masyarakat setempat. Pastikan kuliah berkaitan akidah, feqah dan tasawuf diisi oleh pengkuliah yang diiktiraf ilmunya dan mendapat tauliah oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu (MAIDAM). Ketiga-tiga ilmu ini perlu diutamakan daripada ceramah dan kuliah umum yang sekadar menjadi halwa telinga.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Mengakhiri khutbah pertama ini, khatib ingin mengingatkan kita semua, agar sentiasa mencari peluang untuk datang ke masjid dan memakmurkan rumah Allah. Jangan lepaskan peluang untuk menjadi salah satu golongan yang mendapat naungan arasy Allah pada hari yang tiada sebarang naungan dan perlindungan melainkan daripada Allah, iaitu lelaki yang hatinya terikat dengan masjid.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَنَّ الْمَسَاجِدَ لِلَّهِ فَلَا تَدْعُوا مَعَ اللَّهِ أَحَدًا ﴿١٨﴾

**Maksudnya:** "Dan bahawa sesungguhnya masjid-masjid itu untuk (ibadat kepada) Allah semata-mata; maka janganlah kamu seru dan sembah sesiapapun bersama-sama Allah.

(Surah al-Jinn, ayat 18)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ،  
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ،  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ،  
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Sidang Jumaat yang dikasihi.**

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ،  
إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنَ السَّيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ  
اشْفِ مَرَضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطُّفَّ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.  
اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ  
السُّلْطَانَ مُحَمَّدٍ الْمُكْتَفِي بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ  
زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةَ تَرَغْكَانُو.  
وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،  
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah , kami menadah tangan memohon restu ke hadratMu, semoga  
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan sentiasa berada dalam  
limpahan rahmat Allah, dalam ri'ayah, 'inayah, taufiq dan hidayah Allah,  
dikurniakan kesihatan dan ke'afiatan, kesejahteraan serta dipanjangkan usia  
pemerintahan Tuanku atas singgahsana kerajaan.

Kami juga memohon agar negeri Terengganu Darul Iman dan negara  
Malaysia tercinta terus berkekalan berada dalam keadaan keamanan,  
kedamaian, kestabilan dan kemakmuran di sepanjang masa dan zaman.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وِلْيَّ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ  
زَيْنَ الْعَابِدِينَ.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim

Perbaikilah hubungan antara kami, pertautkanlah hati-hati kami dengan penuh kasih sayang, limpahkanlah dalam kehidupan keluarga kami sakinah, mawaddah dan rahmah. Hidupkanlah semangat bekerjasama dan bersatu padu dalam kejiranan dan qaryah kami.

Kurniakanlah kepada para belia dan remaja kami jiwa yang mantap, iman yang teguh, ilmu yang bermanfaat agar mereka menjadi generasi al-Qowiyul al-Amin, generasi yang hebat lagi amanah. Jauhkanlah mereka daripada perkara-perkara yang boleh menjatuhkan maruah diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Ya Allah,

Tunjukkanlah kami jalan-jalan kebaikan dan kesejahteraan, selamatkan kami daripada kegelapan kufur menuju kepada sinar iman, peliharalah akidah kami berpandukan akidah ahli sunnah wal jamaah. Janganlah Engkau pesongkan hati kami daripada kebenaran. Akhiri hayat kami dalam keadaan Islam dan Iman.

Ya Allah,

Jadikanlah negeri Terengganu, negeri yang aman dan damai. Bukakanlah pintu-pintu rezeki dari segala penjuru. Jaukanlah negeri kami ini dan negara umat Islam seluruhnya daripada segala malapetaka, musibah dan apa jua kemurkaanMu. Amin Ya Rabbal alamin.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللهِ!

أَذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،  
وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.  
□ قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمْكُمْ اللهُ.